

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI
[TUMPAT]**

SOALAN NO. 132

DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [TUMPAT] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah terkini hutang isi rumah yang diberikan oleh "Non-Bank Financial Institution (NBFI)" dari tahun 2015 hingga 2018.

JAWAPAN

1. Hutang terkumpul yang diperoleh melalui institusi kewangan bukan bank¹ (IKBB) kepada isi rumah berjumlah RM199.1 bilion pada akhir September 2018 (Lampiran 1). Jumlah ini mencakupi kira-kira 17% daripada jumlah hutang isi rumah. Kadar pertumbuhan tahunan hutang isi rumah IKBB menurun kepada 2.7% disebabkan terutamanya oleh penurunan berterusan yang ketara dalam pertumbuhan pembiayaan peribadi yang diberikan oleh IKBB iaitu -0.7% pada September 2018 berbanding tahap tertinggi iaitu 30.6% pada tahun 2012.

2. Hal ini berikutan pelaksanaan langkah-langkah kehematan makro seperti menghadkan tempoh pinjaman peribadi kepada 10 tahun dan pemerhatian terhadap amalan pembiayaan yang bertanggungjawab (Lampiran 2). Kualiti portfolio pembiayaan isi rumah IKBB kekal tinggi, dengan nisbah pinjaman terjejas dan delinkuen (pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan) pada tahun 2018 kekal rendah dan stabil, masing-masing bertambah baik kepada 1.4% dan 1% berbanding pada tahun 2015.

Nisbah	2018	2015
Pinjaman terjejas	1.4%	1.6%
Pinjaman delinkuen	1%	1.3%

Tuan Yang Di-Pertua,

SOALAN NO : 132

Kerajaan sentiasa memantau kadar hutang isi rumah bagi memastikan kedudukan kewangan isi rumah berada pada tahap yang sihat dan mengelakkan kadar keberhutangan yang serius. Kerajaan melalui Bank Negara Malaysia dan AKPK menyediakan perkhidmatan rundingan khidmat nasihat bagi isu rumah yang mempunyai kadar hutang yang tinggi menguruskan kewangan dengan lebih cekap.

Lampiran 1:

Hutang isi rumah daripada Institusi Kewangan Bukan Bank (IKBB)

	2015	2016	2017	Sept' 18
Jumlah (RM bilion)	172.5	186.8	196.0	199.1
Kadar pertumbuhan tahunan (%)	Keseluruhan	7.1	8.3	5.0
	Pembiayaan peribadi	5.3	7.5	-0.7